

Projek kereta ASEAN perlu kajian menyeluruh

Lebih banyak kajian terperinci dan menyeluruh diperlukan untuk menjadikan projek kereta ASEAN satu kenyataan.

Bekas Pengarah Urusan Kumpulan Proton Holdings Bhd (PROTON), Datuk Seri Syed Zainal Abidin Syed Mohamed Tahir, berkata tekad dan kesungguhan juga diperlukan dalam kalangan negara ASEAN kerana pelaksanaan projek itu mungkin berdepan beberapa cabaran.

"Idea projek kereta ASEAN adalah baik dengan semua negara bekerjasama bagi membina sebuah kereta. Bagaimanapun, pe-

laksanaannya sukar," katanya di Kuala Lumpur, semalam.

Syed Zainal Abidin berkata, kereta ASEAN akan bersaing dengan semua model di dunia termasuk PROTON dan PERODUA.

"Ia akan bersaing dengan kereta antarabangsa seperti Toyota dan Datsun. Pelaksanaan projek perlu dipertimbangkan dengan serius," katanya.

Pada 20 Oktober, Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak, berkata projek itu akan menjadi impian kenyataan kerana Presiden Indonesia yang baru dilantik Joko Widodo atau lebih mesra

dengan panggilan Jokowi melahirkan minat untuk meneruskan idea diilhamkan Malaysia.

Najib berkata demikian selepas bertemu Jokowi di Jakarta susulan pelantikan rasmi beliau sebagai Presiden Indonesia.

Pengeluar kereta Malaysia, PROTON, dijangka terbabit dalam projek itu.

Bekas Ketua Pegawai Eksekutif PROTON, Tengku Tan Sri Mahaleel Tengku Ariff, berkata projek pembangunan kereta adalah rumit.

"Kelebihannya ia dapat menjimatkan pertukaran asing de-

ngan banyak dan mewujudkan industri serta peluang pekerjaan baharu," katanya.

Kaji pelbagai faktor

Sementara itu, Mohd Azli Abd Rahim, Pensyarah di Jabatan Reka Bentuk Perindustrian Fakulti Reka Bentuk dan Seni Bina, Universiti Putra Malaysia (UPM), berkata projek itu baik sekiranya pelbagai faktor diambil kira.

"Antaranya, kereta itu harus berharga mampu milik bagi golongan berpendapatan sederhana dan memiliki kualiti serta jimat bahan api," katanya.

Ahli Lembaga Malaysian Green Technology Corp, Datuk Wira Jalilah Baba, berkata kereta ASEAN harus menerapkan ciri-ciri tenaga hijau, cekap tenaga dan mengambil kira faktor pelepasan karbon.

"Kaji selidik perlu dilakukan dalam mengeluarkan kereta ASEAN, dalam menentukan negara mana memiliki kekuatan pemasangan kereta, memiliki kemahiran dan tenaga kerja dan yang akan memasarkan kereta ASEAN, dengan mengambil kira lokasi dan kecekapan kos," katanya.

BERNAMA